

POLISI PENDERMAAN DAN PEROLEHAN ORGAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT.

1. OBJEKTIF :

Polisi ini diwujudkan untuk meningkatkan kadar perolehan organ dan tisu yang berkualiti dari penderma kadaverik diperingkat hospital serta memastikan kelancaran proses rujukan dan proses perolehan organ dan tisu . Pendermaan organ hanya dapat dijalankan di hospital-hospital yang mempunyai kemudahan rawatan rapi . Bagi hospital yang tidak mempunyai rawatan rapi seperti Hospital Sungai Siput, pendermaan tisu boleh dijalankan di bilik mayat .

2. KEANGGOTAAN PASUKAN PEROLEHAN ORGAN

Anggota pasukan :

- Pegawai Perubatan atas panggilan pasif
- Ketua jururawat atas panggilan
- Penolong Pegawai Perubatan atas panggilan (Unit Kecemasan atau Bilik Mayat)
- Pembantu Perawatan Kesihatan Bilik mayat

3. PERANAN

1. Mengurus dan menyelaras aspek berkaitan dengan proses pendermaan dan perolehan organ dan tisu daripada penderma kadaverik . Ini adalah tugas utama unit tersebut ;
 - a. Mengenalpasti 'potential donor' sama ada kes-kes yang disyaki mati otak ataupun kes cardiac death.
 - b. Menghubungi Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan atau peringkat wilayah (Transplan Procurement Management Unit – TPMU) bagi semua kes potential , supaya proses seterusnya dapat dijalankan .
 - c. Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit .
 - d. Memastikan kes-kes yang disyaki mati otak telah disahkan mati otak .
 - e. Menjaga kesetabilan dan fungsi organ penderma sehingga prosedur perolehan dijalankan.
 - f. Mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga untuk pendermaan organ.
 - g. Membantu Unit Pengurusan atau peringkat wilayah menguruskan semua aspek logistic untuk pasukan perolehan organ dan tisu yang datangnya dari Hospital Kuala Lumpur , Hospital Selayang , Institut Jantung Negara , Hospital Universiti Sains Malaysia dan juga lain-lain pakar dari institusi berlainan yang akan menjalankan pembedahan / prosedur perolehan .
 - h. Menguruskan dewan bedah atau mortuary untuk proses perolehan organ dan tisu tersebut.
 - i. Berurusan dengan polis,majistret dan forensic bagi mendapatkan pelepasan untuk Pendermaan untuk kes-kes medico legal dan homisid.

2. Berkerjasama dengan Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Transplan Kebangsaan atau peringkat wilayah bagi menyelaraskan serta menganjurkan latihan berkaitan pendermaan organ bagi kakitangan di Hospital masing-masing.
3. Memberi ceramah serta terlibat dalam kempen bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pendermaan organ dan tisu di Malaysia untuk meningkatkan jumlah pengikrar yang dianjurkan oleh Kementerian ataupun organisasi bukan kerajaan di negeri masing-masing.

4. KRITERIA PENDERMAAN ORGAN.

Setiap orang boleh mendaftar sebagai pengikrar penderma organ.

4.1 Mereka yang layak mendaftar.

Sesiapa sahaja sama ada tua ataupun muda boleh berikrar untuk menderma organ dan tisu. Walaubagaimanapun, mereka yang berusia kurang daripada 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu. Pemeriksaan kesihatan tidak diperlukan untuk mendaftar sebagai pengikrar. Mereka yang mempunyai penyakit seperti Diabetes dan Tekanan Darah Tinggi juga boleh berikrar. Penilaian akan dibuat pada waktu kematian untuk menentukan sama ada organ boleh digunakan. Warganegara asing juga boleh mendaftar sebagai penderma organ.

4.2 Cara untuk mendaftar.

Anda perlu mengisi dan menandatangani borang pendaftaran dan kad penderma organ yang terdapat bersama borang. Anda boleh mendapatkan borang daripada:

- i) Pusat Sumber Transplan Nasional di Hospital Kuala Lumpur.
Talian bebas tol 1-800-88-9080 Tel (waktu pejabat) 03-26156576/ 26942705.
E-mail ntrc@hkl.gov.my.
- ii) Pusat Sumber Transplan Hospital Pulau Pinang, 04-2002436, Hospital Raja Permaisuri Bainun (Ipoh) 05-5222324, Hospital Sultanah Aminah (Johor Baru) 07-2231666 sambungan 2751, Hospital dan Klinik Kesihatan Kerajaan berdekatan atau borang yang telah lengkap diisi dihantar ke Pusat Sumber Transplan Nasional melalui pos seperti alamat yang tertera di belakang borang pendaftaran. Kad penderma yang ada bersama borang pendaftaran perlu diisi sendiri oleh pendaftar. Kad penderma yang diisi dan ditandatangani perlu disimpan bersama kad pengenalan dan dibawa bersama pada setiap masa. Tiada bayaran dikenakan untuk pendaftaran. Maklumkan kepada keluarga tentang niat anda untuk menjadi penderma organ.

4.3 Panduan untuk menguruskan pendaftaran pengikrar penderma organ, sila rujuk:

Lampiran 1. Permohonan Borang Pendermaan Organ Melalui Telefon

Lampiran 2. Permohonan / Pendaftaran Borang Pendermaan Organ melalui Kaunter.

Lampiran 3. Penerimaan Borang Pendermaan Organ Melalui Kaunter.

Lampiran 4. Permintaan Borang Pendermaan Organ Dan lain-lain Bahan Rujukan Dari Pusat Sumber Transplan Nasional.

Lampiran 5. Mengendalikan Penyertaan Melalui Telefon.

Lampiran 6. Mengendalikan Penyertaan Di Kaunter.

4.4 .Jika penderma berubah fikiran untuk tidak menderma organ dan tisu, penderma hanya perlu memberitahu keluarga mengenainya dan memaklumkan serta memulangkan kad penderma organnya kepada Pusat Sumber Transplan Nasional.

4.5. Berdaftar sebagai pengikrar penderma organ tidak akan menjejaskan beliau daripada mendapat rawatan yang sewajarnya di hospital sekiranya diperlukan. Doktor-doktor yang merawat akan berusaha sedaya mungkin dengan; Mengambil semua tindakan serta langkah yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawa. Persoalan mengenai pendermaan organ dan tisu akan dibincangkan dengan waris hanya selepas kematian telah diasahkan.

5. MEMAKLUMKAN HASRAT UNTUK MENDERMA ORGAN KEPADA WARIS YANG TERSAYANG.

- 5.1 Waris merupakan pembuat keputusan bagi pendermaan organ selepas berlaku kematian.
- 5.2 Waris adalah ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami, isteri, anak, adik beradik atau penjaga.
- 5.3 Selepas berlaku kematian, kakitangan hospital tidak akan melakukan Pembedahan selagi waris tidak memberikan kebenaran.
- 5.4 Oleh itu, adalah penting bagi penderma untuk segera memaklumkan hasratnya kepada waris agar mereka tidak ragu-ragu untuk memberi keputusan membenarkan pendermaan organ dilakukan setelah meninggal dunia.
- 5.5 Hasrat penderma untuk menderma organ mungkin tidak tercapai sekiranya waris terdekat tidak mengetahui hasrat tersebut.

6. MENYEMPURNAKAN HAJAT ORANG YANG TERSAYANG ADALAH SATU AMANAH.

- 6.1 Apabila berlaku kematian di hospital, waris perlu memaklumkan kepada pihak hospital tentang niat pesakit untuk menderma organ.
- 6.2 Pihak hospital juga akan membincangkan isu pendermaan organ dengan waris terutama apabila ianya melibatkan kes-kes kematian otak.

6.3 Sekiranya kematian berlaku di rumah, waris boleh menghubungi hospital yang terdekat atau berhubung terus dengan Koordinator Transplan, Pusat Sumber Transplan Nasional melalui talian bebas tol 1-800-88-9080 atau telefon bimbit 019-3885654.

7. PROSES PENDERMAAN ORGAN TIDAK MELIBATKAN SEBARANG PEMBAYARAN BAGI PENDERMA.

7.1 Pengecualian bayaran bil hospital. Selaras dengan seksyen 16(13) Perintah Fi (Perubatan) 1982, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian Bayaran bil hospital bagi penderma organ di hospital kerajaan dari tarikh.

5 Kemasukan hospital, Arahan ini berkuatkuasa pada 29 Disember 2003, seperti mana surat Kementerian Kewangan KK/BP (S) 09/692/79 Jld.3.s.k. 4/2003 (4) – Bagi pendermaan organ di hospital swasta, keluarga tidak akan dikenakan caj bayaran yang berkaitan dengan proses pendermaan itu daripada masa penderma disahkan mati.

8. PENDERMAAN ORGAN SELEPASA KEMATIAN ADALAH DIBENARKAN DARI SEGI PERUNDANGAN.

8.1 Akta Tisu Manusia 1974 – Akta yang membenarkan penggunaan bahagian tubuh anggota orang yang telah mati untuk tujuan perubatan, pendidikan dan penyelidikan perubatan- Memerlukan perundangan dan kebenaran daripada keluarga waris pesakit.

8.2 Opting – in Type Law Membenarkan pengambilan organ daripada seseorang selepas mati, sekiranya:- Simati telah menyatakan secara bertulis atau lisan, sewaktu dia hidup yang dia hendak menderma organnya selepas dia mati. Mendapatkan kebenaran daripada waris.

